



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023**

KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 49.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Kelantan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

- merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan;
 - c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
 - d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Kelantan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Kelantan atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
 - e. menilai perseimbahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
 - f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Kelantan berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA




PUTRAJAYA
29 OKTOBER 2024

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH


Kami, DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN dan PROF. DATO' DR. RAZLI BIN CHE RAZAK yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **Dato' Dr. Hassan Basri Bin
Awang Mat Dahan**
GELARAN : PENGURUSI LEMBAGA
TARIKH : **31 MAC 2024**
TEMPAT : Bachok, Kelantan

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **Prof. Dato' Dr. Razli Bin
Che Razak**
GELARAN : NAIB CANSELOR
TARIKH : **31 MAC 2024**
TEMPAT : Bachok, Kelantan

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya, WAN NOOR AZIMAH BINTI WAN MUHAMMAD, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di (tempat) **Bachok**) WAN NOOR AZIMAH BINTI WAN MUHAMMAD
pada **31 MAR 2024**) No. K/P : 781230-03-5036

Di hadapan saya,



Pejabat Jurupetisyen
D/A Pejabat Tanah dan Jajahan Bacho
16300 Bachok, Kelantan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Aset Semasa:				
Urusniaga pertukaran belum terima	4	5,980,524	5,530,549	6,872,895
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	5	4,947,192	4,529,635	4,947,192
Inventori	6	21,908	26,705	-
Tunai dan kesetaraan tunai	7	337,505,334	308,424,014	336,993,577
Jumlah aset semasa		348,454,958	318,510,903	348,813,664
Aset Bukan Semasa:				
Hartanah, loji dan peralatan	8	437,751,448	444,445,883	407,081,104
Aset tak ketara	9	232,322	249,037	225,142
Projek dalam kemajuan	10	48,831,999	22,456,443	48,831,999
Pelaburan dalam anak syarikat	11	-	-	1,500,000
Urusniaga pertukaran belum terima	4	1,909,912	1,819,740	1,909,912
Jumlah aset bukan semasa		488,725,681	468,971,103	459,548,157
Jumlah Aset		837,180,639	787,482,006	808,361,821
Liabiliti Semasa:				
Urusniaga pertukaran belum bayar	12	12,362,755	14,459,497	10,146,522
Urusniaga bukan pertukaran belum bayar	13	3,344,021	3,159,684	3,344,021
Manfaat pekerja	14	1,165,370	1,039,162	1,165,370
Peruntukan cukai		57	150,940	-
Jumlah liabiliti semasa		16,872,203	18,809,283	14,655,913
Liabiliti Bukan Semasa:				
Manfaat pekerja	14	9,318,963	6,085,384	9,318,963
Urusniaga pertukaran belum bayar	12	57,166	98,902	-
Liabiliti cukai tertunda	15	3,505,907	3,624,340	-
Pendapatan tertunda	16	154,974,676	120,314,309	154,966,681
Liabiliti Bukan Semasa:		167,856,712	130,122,935	164,285,644
Jumlah Liabiliti		184,728,915	148,932,218	178,941,557
Ekuiti:				
Kumpulan wang mengurus	17	158,247,227	162,697,512	83,908,471
Kumpulan wang pembangunan	18	385,767,843	371,182,091	385,767,843
Kumpulan wang penyelidikan	19	842,913	758,336	842,913
Kumpulan wang amanah	20	152,225,418	142,556,968	151,901,037
Kumpulan wang pinjaman	21	7,000,000	7,000,000	7,000,000
Anak syarikat	22	(51,631,677)	(45,645,119)	-
Jumlah Ekuiti		652,451,724	638,549,788	629,420,264
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		837,180,639	787,482,006	808,361,821
				756,597,661

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
 PENYATA PRESTASI KEWANGAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Pendapatan:				
Urusniaga pertukaran	23	29,888,725	19,805,540	27,215,194
Urusniaga bukan pertukaran	24	212,603,358	208,430,336	212,603,358
Jumlah pendapatan		242,492,083	228,235,876	239,818,552
Perbelanjaan:				
Emolumen		92,296,616	87,115,214	92,283,616
Perkhidmatan dan bekalan		102,265,761	101,617,779	103,563,062
Pemberian dan kenaan bayaran tetap		4,879,332	1,995,165	4,879,332
Perbelanjaan lain		11,750,876	4,571,751	8,840,648
Susutnilai tahunan		17,188,600	17,250,932	16,379,845
Jumlah perbelanjaan		228,381,185	212,550,841	225,946,503
Lebihan sebelum cukai		14,110,898	15,685,035	13,872,049
Cukai	25	(9,782)	(694,283)	-
Lebihan bagi tahun		14,101,116	14,990,752	13,872,049

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kumpulan – 31 Disember 2023

Kumpulan wang						
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	Anak syarikat RM
Baki pada 31 Disember 2022						
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	162,697,512	371,182,091	758,336	142,556,968	7,000,000	(45,645,119)
- Pelarasan tahun lepas	162,697,512 (55,294)	371,182,091 (44,222)	758,336 -	142,556,968 (99,654)	7,000,000 -	(45,645,119) (199,180)
Seperi dinyatakan semula pada 1 Januari 2023	162,642,218	371,137,859	758,336	142,457,314	7,000,000	(45,645,119)
Perubahan dalam Ekuiti						
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(3,694,991)	14,629,984	84,577	9,068,104	-	(5,986,558)
Pindahan	(700,000)	-	-	700,000	-	-
Baki pada 31 Disember 2023	158,247,227	385,767,843	842,913	152,225,418	7,000,000	(51,631,677)
Baki pada 31 Disember 2021						
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	154,717,921	365,984,705	708,102	137,314,870	7,000,000	(41,205,177)
- Pelarasan tahun lepas	154,717,921 (334,209)	365,984,705 304,207	708,102 -	137,314,870 (273,362)	7,000,000 -	(41,205,177) (303,364)
Seperi dinyatakan semula pada 1 Januari 2022	154,383,712	366,288,912	708,102	137,041,508	7,000,000	(41,205,177)
Perubahan dalam Ekuiti						
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	9,413,800	4,893,179	50,234	4,415,460	-	(3,781,921)
Dividen kepada syarikat induk	-	-	-	-	-	(658,021)
Pindahan	(1,100,000)	-	-	1,100,000	-	-
Baki pada 31 Disember 2022	162,697,512	371,182,091	758,336	142,556,968	7,000,000	(45,645,119)
						638,549,788

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Universiti – 31 Disember 2023

Kumpulan wang						
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	Anak syarikat RM
Baki pada 31 Disember 2022	94,324,381	371,182,091	758,336	142,482,587	7,000,000	-
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	94,324,381	371,182,091	758,336	142,482,587	7,000,000	-
- Pelarasan tahun lepas	(55,294)	(44,232)	-	(99,654)	-	(199,180)
Separiti dinyatakan semula pada 1 Januari 2023	94,269,087	371,137,859	758,336	142,382,933	7,000,000	-
Perubahan dalam Ekuiti						
Lebihan/(kurangan) bagi tahun	(9,660,616)	14,629,984	84,577	8,818,104	-	-
Pindahan	(700,000)	-	-	700,000	-	13,872,049
Baki pada 31 Disember 2023	83,908,471	385,767,843	842,913	151,901,037	7,000,000	-
Baki pada 31 Disember 2021						
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	92,366,454	365,984,705	708,102	137,240,489	7,000,000	-
- Pelarasan tahun lepas	92,366,454	365,984,705	708,102	137,240,489	7,000,000	-
Separiti dinyatakan semula pada 1 Januari 2022	(334,209)	304,207	-	(273,362)	-	(303,364)
Perubahan dalam Ekuiti						
Lebihan bagi tahun	92,032,245	366,288,912	708,102	136,967,127	7,000,000	-
Pindahan	3,392,136	4,893,179	50,234	4,415,460	-	12,751,009
Baki pada 31 Disember 2022	94,324,381	371,182,091	758,336	142,482,587	7,000,000	-

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi				
Lebihan pendapatan sebelum cukai	14,110,898	15,685,035	13,872,049	12,751,009
Pelarasan untuk:				
Susutnilai tahunan	17,188,600	17,250,932	16,379,845	16,438,119
Peruntukan hutang rugu	(2,281,133)	118,635	(2,281,133)	118,635
Peruntukan manfaat pekerja	4,645,520	1,778,013	4,645,520	1,778,013
Kerugian atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	72,731	63,610	72,731	37,230
Keuntungan atas pelupusan aset tak ketara	(3,000)	-	-	-
Geran pembangunan dilunaskan	(25,992,546)	(17,167,566)	(25,992,546)	(17,167,566)
Geran penyelidikan dilunaskan	(2,198,298)	(1,980,652)	(2,198,298)	(1,980,652)
Geran amanah dilunaskan	(20,551,501)	(19,362,129)	(20,551,501)	(19,362,129)
Pelarasan hasil dan perbelanjaan tahun lepas	(2,416,931)	(81,199)	(2,416,931)	(81,199)
Cukai dibayar	(279,098)	(809,085)	-	-
Dividen dibayar	-	(658,021)	-	-
Faedah pinjaman	2,838,448	948,056	-	-
Kurangan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(14,866,310)	(4,214,371)	(18,470,264)	(7,468,540)
(Tambah)/Kurangan dalam				
Inventori	4,797	(11,684)	-	-
Urusniaga pertukaran belum terima	2,721,640	782,841	4,040,252	220,337
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	540,150	(386,781)	540,150	(386,781)
Tambahan/(Kurangan) dalam				
Urusniaga pertukaran belum bayar	(460,225)	38,024	(163,998)	1,507,283
Urusniaga bukan pertukaran belum bayar	225,624	1,055,268	225,624	1,055,268
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(11,834,324)	(2,736,703)	(13,828,236)	(5,072,433)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
Belian harta tanah, loji dan peralatan	(8,467,170)	(6,785,413)	(8,457,921)	(6,364,736)
Projek dalam kemajuan	(28,323,574)	(17,974,691)	(28,323,574)	(17,974,691)
Tambahan aset tak ketara	(50,720)	(292,875)	(65,720)	(292,875)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(36,841,464)	(25,052,979)	(36,847,215)	(24,632,302)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Geran pembangunan diterima	65,700,000	70,025,000	65,700,000	70,025,000
Geran penyelidikan diterima	2,504,388	1,937,736	2,504,388	1,937,736
Geran amanah diterima	15,134,897	27,080,649	15,134,897	27,080,649
Pembayaran manfaat pekerja	(1,014,678)	(207,175)	(1,014,678)	(207,175)
Bayaran ansuran pembiayaan	(4,567,499)	(4,587,610)	-	-
Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan	77,757,108	94,248,600	82,324,607	98,836,210
Tambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai				
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	29,081,320	66,458,918	31,649,156	69,131,475
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	308,424,014	241,965,096	305,344,421	236,212,946
	337,505,334	308,424,014	336,993,577	305,344,421

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
 PENYATA PRESTASI BAJET
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	JUMLAH BAJET ASAL RM	JUMLAH SEBENAR AKHIR RM	VARIAN BAJET RM
PENDAPATAN			
Geran Mengurus	107,079,500	107,079,500	-
Geran Tambahan	-	-	10,000,000
Yuran Pengajian	25,000,000	25,000,000	31,705,469
Faedah dan Keuntungan	6,000,000	6,000,000	11,783,622
Pendapatan Lain	500,000	500,000	458,317
JUMLAH PENDAPATAN	138,579,500	138,579,500	161,026,908
PERBELANJAAN			
EMOLUMEN			
Gaji dan Upahan	63,000,000	63,000,000	(705,982)
Elaun-Elaun Tetap	20,000,000	17,400,000	(1,372,943)
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	13,000,000	13,000,000	(2,295,817)
Elaun Lebih Masa	-	633,765	259,073
Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	1,081,300	3,756,400	(1,277,671)
JUMLAH	97,081,300	97,790,165	92,396,825
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN			
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	2,121,982	2,875,507	228,578
Pengangkutan Barang-barang	4,500	12,000	4,455
Perhubungan & Utiliti	10,663,944	8,473,756	170,521
Sewaan	11,692,223	14,725,515	(547,964)
Bahan-bahan Makanan Dan Minuman	124,590	130,364	(9,520)
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	426,940	1,026,999	(14,500)
Bekalan Dan Bahan-bahan Lain	3,440,006	4,384,798	139,826
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	8,502,698	8,860,220	(717,106)
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti	28,506,531	30,397,804	(200,814)
JUMLAH	65,483,414	70,886,963	69,940,439
ASET			
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	103,000	-	-
Kemudahan dan Pembaikan	-	10,850	10,850
Kenderaan dan Jentera	8,000	425,400	374,000
Harta Modal Yang Lain	732,400	987,875	682,730
JUMLAH	843,400	1,424,125	1,067,580
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP			
Biasiswa dan Dermasiswa	200,000	175,000	(61,164)
Pemberian Dalam Negeri	2,500	300	(300)
Ganjaran	-	30,000	87,550
Gantian Cuti Rehat	836,000	836,000	178,678
JUMLAH	1,038,500	1,041,300	204,764
PERBELANJAAN LAIN			
Bayaran-bayaran lain	1,053,386	2,907,447	51,788
JUMLAH	1,053,386	2,907,447	51,788
JUMLAH PERBELANJAAN	165,500,000	174,050,000	167,610,143
(KURANGAN) / LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN	(26,920,500)	(35,470,500)	(6,583,235)
			28,887,265

NOTA BAGI PENYATA PRESTASI BAJET

1. Penyediaan Penyata Prestasi Bajet Tahun 2023 adalah disedia berdasarkan Kumpulan Wang Mengurus iaitu melibatkan Geran Mengurus Kerajaan dan Sumber Dalaman (berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti untuk menampung Geran Kerajaan).
2. Bajet telah diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsi. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal bermula dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.
3. Bajet asal telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui emel kelulusan bertarikh 13 April 2023 adalah berjumlah RM107,079,500. Bajet akhir adalah selepas mengambilkira peruntukan tambahan sebanyak RM10,000,000 untuk emolumen kakitangan kontrak, penyelenggaraan, pembaikan atau naik taraf yang berkaitan ke atas fasiliti sedia ada bagi Universiti. Ini menjadikan keseluruhan geran diterima daripada KPT bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM117,079,500.

Perkara	Operasi	Pembiayaan	Pelaburan	Jumlah
Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding seperti yang Dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar	167,610,143	-	-	167,610,143
Perbezaan Asas	-	-	-	-
Perbezaan Entiti	-	-	-	-
Amaun Sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	167,610,143	-	-	167,610,143

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

(a) Penubuhan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

(b) Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

(c) Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2023 adalah seramai 1,264 orang (2022 : 1,272 orang) yang terdiri daripada staf tetap/pinjaman seramai 984 orang (2022 : 978 orang) dan staf sementara/kontrak seramai 280 orang (2022 : 294 orang).

(d) Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi sesi 2023/2024 adalah seramai 3,827 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2023 adalah 13,745 orang (2022 : 12,883 orang).

(e) Mata Wang Pembentangan dan Fungsian

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

(f) Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2023 telah dibentangkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Audit (JKA) pada 24 Mac 2024 dan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) pada 27 Mac 2024. Seterusnya, Penyata Kewangan ini dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 29 Mac 2024.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Instrumen kewangan Kumpulan dan Universiti bergantung kepada kepelbagaiannya risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan kawalan risiko yang terdedah kepada Kumpulan dan Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

(a) Risiko Kadar Faedah

Kumpulan memperolehi kemudahan kewangan melalui kemudahan kredit yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan. Lebihan dana ditempatkan di institusi kewangan yang bereputasi dengan kadar faedah yang bersesuaian. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen.

(b) Risiko Pasaran

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan dalam harga ekuiti tersiar. Kumpulan tidak menggunakan instrumen derivatif untuk mengawal ekuiti tersiar.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Kumpulan dan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut konvensyen kos asal (sejarah) dan menurut Piawaian Perakaunan diluluskan dan dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian.

Mulai tahun kewangan 31 Disember 2020, Universiti Malaysia Kelantan telah menggunakan piawaian perakaunan Malaysia Public Sector Accounting Standard (MPSAS) menggantikan piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) menerusi kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 6 Tahun 2020.

Penyata Kewangan ini telah disediakan dengan memenuhi piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS – Malaysian Public Sector Accounting Sector) dengan mengambil kira pengecualian mana yang dibenarkan.

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu. Walaubagaimanapun, Universiti telah menggunakan piawaian MPSAS sepenuhnya bagi penyata kewangan tahun berakhir 31 Disember 2022.

Kesan pengiktirafan ini akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal lebihan terkumpul. Walau bagaimanapun, ahli Lembaga Pengarah berpendapat dengan menggunakan peruntukan dan pengecualian ini, ia tidak akan menjelaskan persemaahan penyata kewangan yang saksama serta pematuhan kepada asas akruan MPSAS.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (samb.)

(b) Pemakaian MPSAS

UMK telah menggunakan piawaian MPSAS seperti berikut:

- | | |
|----------|---|
| MPSAS 1 | - Presentation of Financial Statements |
| MPSAS 2 | - Cash Flow Statements |
| MPSAS 3 | - Accounting Policies, Changes in Accounting Estimated and Errors |
| MPSAS 4 | - The Effect of Changes in Foreign Exchange |
| MPSAS 6 | - Consolidated and Separate Financial Statements |
| MPSAS 9 | - Revenue From Exchange Transactions |
| MPSAS 11 | - Construction Contracts |
| MPSAS 12 | - Inventories |
| MPSAS 13 | - Leases |
| MPSAS 14 | - Events After The Reporting Date |
| MPSAS 16 | - Investment Property |
| MPSAS 17 | - Property, Plant And Equipment |
| MPSAS 19 | - Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets |
| MPSAS 20 | - Related Party Disclosures |
| MPSAS 21 | - Impairment of Non-Cash Generating Assets |
| MPSAS 22 | - Disclosure of Financial Information |
| MPSAS 23 | - Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes And Transfers) |
| MPSAS 24 | - Presentation of Budget Information in Financial Statements |
| MPSAS 25 | - Employee Benefits |
| MPSAS 26 | - Impairment of Cash-Generating Assets |
| MPSAS 28 | - Financial Instruments : Presentation |
| MPSAS 29 | - Financial Instruments : Recognition and Measurement |
| MPSAS 30 | - Financial Instruments : Disclosure |
| MPSAS 31 | - Intangible Assets |
| MPSAS 33 | - First-Time Adoption Accrual Basis MPSASs |
| MPSAS 34 | - Separate Financial Statements |
| MPSAS 35 | - Consolidated Financial Statements |
| MPSAS 36 | - Investments in Associates and Joint Ventures |
| MPSAS 37 | - Joint Arrangements |
| MPSAS 38 | - Disclosure of Interest in Other Entities |

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

(a) **Asas Penyatuan Akaun**

Mulai tahun 2011, Akaun Kumpulan meliputi kesemua Kumpulan Wang Universiti dan anak syarikat yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Semua baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam Kumpulan telah dihapus kira sepenuhnya semasa penyatuan dan yang akan disatukan mengambil kira urusniaga luaran sahaja seperti mana yang dinyatakan dalam perenggan 40, MPSAS 35.

(b) **Pelaburan Dalam Anak Syarikat**

Anak syarikat adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktivitinya. Pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai, jika ada.

(c) **Pengiktirafan Pendapatan**

(i) Pengiktirafan geran kerajaan adalah sebagaimana berikut:

- Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila tiada syarat tertentu yang dikenakan terhadap geran kerajaan yang diterima.
 - Kumpulan dan Universiti mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi geran yang dikenakan syarat tertentu hanya apabila syarat terhadap geran tersebut telah dipenuhi. Jika syarat yang dikenakan terhadap geran tersebut belum dipenuhi, amaun geran yang diterima perlu dinyatakan sebagai geran tertunda (pendapatan tertunda) dan diiktiraf sebagai liabiliti bukan semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
- (ii) Pendapatan yuran pelajar adalah berdasarkan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.
- (iii) Pendapatan faedah ke atas simpanan tetap dari institusi kewangan berlesen diakaunkan mengikut konsep akruan. Faedah simpanan tetap daripada tabung amanah akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung amanah berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat daripada peruntukan tabung amanah tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap yang lain, pendapatan diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Mengurus.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (samb.)

(c) Pengiktirafan Pendapatan (samb.)

(iv) Faedah dari pinjaman kenderaan dan komputer diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(d) Pengiktirafan Perbelanjaan

Kriteria bagi pengiktirafan semua perbelanjaan adalah seperti berikut:

(i) Perolehan barang dan perkhidmatan

Bagi barang atau perkhidmatan yang telah diterima serta dokumen-dokumen berikut telah diterima oleh Universiti Malaysia Kelantan pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa:

- Waran perbelanjaan yang telah diluluskan.
- Pesanan Jabatan/Kerja/LO yang telah dikeluarkan.
- Borang Perakuan Penerimaan Barang atau Borang Pengesahan Kerja/Perkhidmatan telah diluluskan.
- Bil atau invois daripada syarikat.

(ii) Tuntutan–tuntutan lain

Bagi tuntutan-tuntutan lain yang telah disahkan dan diterima pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun semasa.

(e) Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan spesifik jumlah keseluruhan terhadap penghutang dengan pengumuran bermula tahun ketiga dan ke atas dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas baki akaun penghutang selepas mengambil kira amaun yang dihapuskira. Sekiranya permohonan amaun hapuskira hutang dari tempoh enam (6) tahun ke atas tidak diluluskan oleh pihak berkuasa melulus setelah segala usaha untuk mengutip hutang melalui ejen pengutip hutang yang dilantik gagal diperoleh atau kos guaman yang lebih tinggi berbanding jumlah hutang yang perlu dikutip, maka jumlah hutang berkenaan akan diambil kira sebagai Peruntukan Hutang Ragu. Akaun penghutang dinyatakan pada nilai yang telah diambil kira selepas peruntukan hutang ragu.

(f) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa yang sah dan konstruktif kesan daripada peristiwa sebelum, apabila terdapat kemungkinan aliran tunai keluar daripada sumber-sumber yang merangkumi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk melangsangkan tanggungan yang mana anggaran terhadap amaun obligasi dapat dibuat dengan munasabah.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(g) Hartanah, Loji dan Peralatan

- (i) Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai dan ditakrifkan sebagai barang-barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.
- (ii) Bagi alat kelengkapan, pembelian yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu dikelaskan sebagai perbelanjaan aset tetap.
- (iii) Bagi pembelian langsir, permaidani, bidai dan pengadang, pinggan manguk dan buku tanpa mengambil kira kos pembelian dikelaskan sebagai perbelanjaan bukan harta modal/aset tetap.
- (iv) Susutnilai adalah berdasarkan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset tetap berkenaan.
- (v) Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah sebagaimana yang digariskan di dalam MPSAS iaitu berdasarkan 'economical useful life' sesuatu aset tetap antaranya seperti berikut:

	Kumpulan	Universiti
Bangunan dan pembaikan bangunan	2 – 10%	2%
Kemudahan dan pembaikan kemudahan / Infrastruktur	5%	5%
Kenderaan dan jentera	20%	20%
Alat kelengkapan	20%	20%

- (vi) Satu mesyuarat telah diadakan pada 21 November 2017 bagi membincangkan isu berkaitan tanah Universiti Awam (UA) yang dihadiri oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan, Bendahari/Timbalan Bendahari Universiti berkaitan dan Jabatan Audit Negara. Mesyuarat telah memutuskan bahawa tanah yang didaftarkan di bawah nama Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP) tidak boleh dipermodalkan selagi belum mendapat kelulusan pajakan daripada PTP.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(h) Projek Dalam Kemajuan

Kerja-kerja dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun berkenaan.

(i) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara ialah aset yang dapat dikenalpasti tanpa kewujudan secara fizikal. Pembelian perisian (*software*) termasuk sistem secara berasingan daripada pakej dengan komputer/perkakasan (*hardware*) dikelaskan sebagai aset tak ketara. Pembelian perisian yang dibuat secara berasingan dikelaskan sebagai aset tak ketara jika kosnya RM3,000 atau lebih setiap satu. Susut nilai dikira secara bulanan pada kadar 20% setahun.

(j) Perbelanjaan Tanah dan Pembangunan

Kos tanah yang dipegang untuk pembangunan serta perbelanjaan pembangunan berkaitan dibawa ke hadapan pada kos campur keuntungan terakru ke tahap penyiapan yang bersesuaian tolak bayaran kemajuan dan peruntukan kerugian boleh jangka. Perbelanjaan pembangunan meliputi kos pembinaan dan lain-lain kos pembangunan berkaitan termasuk kos faedah dan *overhead* pentadbiran berkaitan projek.

(k) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos termasuk, di mana patut, bahan langsung, buruh langsung, belanja langsung dan kos pasti pengeluaran angkubah yang ditentukan di atas atas masuk dahulu, keluar dahulu.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(I) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. UMK telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat jangka pendek.

(ii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai manfaat pekerja jangka panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap dan pengiraan berdasarkan jumlah cuti terkumpul semasa staf tetap. Anggaran kadar gaji akhir tahun bersara telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

(iii) Manfaat Pemberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja diiktiraf hanya selepas persetujuan wakil pekerja atas syarat-syarat lebihan yang telah ditetapkan atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan mengenai syarat-syarat tersebut.

(iv) Pelan Caruman Tetap

UMK membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang telah diletakkan dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan dilakukan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(m) Polisi bagi Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap.

(n) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- (i) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.
- (ii) Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar akan diakaunkan dan diiktiraf sebagai hasil mengikut setiap semester pengajian.
- (iii) Sumbangan yang diterima daripada pihak luar dan denda diiktiraf berdasarkan asas akruan.

(ii) Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

- (i) Pendapatan Faedah dan Dividen meliputi hasil hasil faedah daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan faedah pinjaman yang diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan berdasarkan kaedah akruan.
- (ii) Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan dengan menggunakan dasar garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.
- (iii) Pelbagai pendapatan meliputi hasil jualan dan perkhidmatan diiktiraf semasa jualan dan perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(o) Cukai Pendapatan dan Cukai Tertunda

(i) Kumpulan

Cukai tertunda disertakan, di bawah kaedah liabiliti bagi semua perbezaan masa melainkan jika terdapat indikasi bahawa perbezaan masa tersebut tidak dapat ditarikbalik pada jangka masa hadapan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf jika terdapat jangkaan munasabah ke atas realisasinya.

(ii) Universiti

UMK telah diluluskan pelepasan cukai di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui surat kelulusan, Ruj:LHDN.01/35/42/51/179-6.6513 bertarikh 16 Disember 2008 dengan nombor Warta Kerajaan Bilangan 11538 bertarikh 02 Julai 2009. Sehubungan itu, UMK akan menikmati tolakan dan pengecualian cukai seperti berikut:

- **Tolakan Cukai** - Penderma-penderma yang menderma kepada sesebuah institusi, organisasi atau tabung yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 layak mendapat tolakan atas derma-derma mereka dalam pengiraan pendapatan agregat. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa hanya derma-derma wang tunai yang disokong oleh resit-resit rasmi layak untuk tolakan. Derma-derma berupa barang (misalnya makanan, pakaian, komputer, saham dan bahan binaan) tidak layak untuk tolakan cukai.
- **Pengecualian Cukai** - Berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2001, mana-mana organisasi atau institusi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 akan juga mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan (kecuali pendapatan dividen) di bawah perenggan 13, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967. Oleh itu pendapatan UMK (kecuali dividen) akan dikecualikan daripada cukai pendapatan mulai Tahun Taksiran 2008.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA–NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(p) Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP)

Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJCP) berkuatkuasa pada 1 September 2018 berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta 807). Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UMK adalah pembekalan dan boleh dikecualikan dengan pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

(q) Dasar Kemerosotan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan samada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berdasarkan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan. Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (Samb.)

(r) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan yang dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan adalah termasuk tunai dan baki di bank, penghutang dan pemutang. Kaedah pengiktirafan yang digunakan bagi setiap item dinyatakan di penyata polisi perakaunan tersendiri. Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan dengan intipati pada perbelanjaan yang dikontrakkan. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti akan dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pembahagian kepada pemegang institusi kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti akan dicaj secara terus kepada ekuiti. Institusi kewangan diimbang apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai hak penguatkuasaan sah untuk mengimbang amanah yang diiktiraf dan bercadang samada untuk menyelesaikan berdasarkan asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(s) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosot nilai.

i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amanah kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
